

UNIT 2 : BUMI DIPIJAK LANGIT DIJUNJUNG.

ASAL-USUL NEGERIKU.

Berdasarkan pernyataan yang disediakan, nyatakan negeri-negeri yang dimaksudkan.

1	Nama negeri yang berasal dari daripada perkataan Siam, phrau loi yang mambawa maksud kelapa hanyut.	
2	Nama negeri ini berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud gelas berkaki tinggi. Manakala orang India pula memanggil negeri ini dengan panggilan Kadaram	
3	Nama negeri ini diperoleh sempena nama pokok pinang.	
4	Nama negeri ini diperoleh kerana sungai di negeri tersebut terdapat ikan yang berwarna putih seakan-akan warna perak.	
5	Nama negeri ini pula diambil sempena negeri tersebut mempunyai Sembilan negeri kecil di bawah satu pemerintah.	
6	Nama negeri ini diberikan oleh Parameswara sempena nama pokok tempat beliau bersandar melepaskan lelah.	
7	Negeri ini pula dikenali sebagai Ujung Tanah dalam buku Sejarah Melayu.	
8	Nama negeri ini diambil sempena pokok mahang yang rebah merentasi negeri tersebut.	
9	Nama negeri ini berasal daripada perkataan taring anu yang merujuk kepada harimau.	
10	Sumber China menyatakan negeri ini mendapat nama daripada perkataan Kou-lo-tan.	
11	Negeri ini mendapat nama daripada ungkapan "serah kepada awak" yang diucap oleh Pengiran Muda Hashim kepada James Brooke	
12	Nama negeri ini berasal daripada nama sejenis pisang yang dipanggil pisang saba atau jaba oleh orang Bajau.	